

07/08/1997

Maklumat susu ibu patut jadi kurikulum

Khairana Sabtu

KEBAIKAN penyusuan ibu disaran dimasukkan dalam sukatan kurikulum pendidikan kesihatan di sekolah menengah sebagai usaha jangka panjang memberi kesedaran kepada generasi muda.

Isteri Menteri Pendidikan, Datin Seri Rosmah Mansor berkata ini penting kerana pelaksanaannya akan memberi pengetahuan dan kesedaran awal mengenai kebaikan penyusuan ibu.

"Semua lapisan masyarakat khususnya ibu dan gadis yang bakal menjadi ibu wajar diberikan pendidikan serta kesedaran mengenai kebaikan dan faedah penyusuan ibu.

"Sebagai langkah pendidikan jangka panjang, saya menyarankan supaya faedah penyusuan ibu dimasukkan di dalam kurikulum pendidikan kesihatan di sekolah menengah.

"Saya percaya pendidikan daripada peringkat sekolah amat berkesan jika ia dapat dilaksanakan dengan cara sistematik.

"Bagaimanapun, setakat ini saranan ini belum dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan," katanya berucap di Pelancaran Pameran dan Forum Awam sempena Kempen Kesedaran Penyusuan Susu Ibu - Permulaan Yang Terbaik. Pameran dan Forum Awam itu dianjurkan bersama oleh New Zealand Milk Products dan Pusat Perubatan Pantai. Kempen itu diadakan sempena Minggu Penyusuan Ibu Sedunia seperti ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 1 hingga 7 Ogos setiap tahun.

Turut hadir ialah Pengerusi Eksekutif Hospital Pantai Berhad, Mokhzhani Mahathir; Pengurus Besar New Zealand Milk Products dan Pengarah Urusan Pusat Perubatan Pantai, Dr Yeoh Onn Hock. New Zealand Milk Products adalah satu-satunya syarikat pengeluaran susu yang tidak menghasilkan susu formula untuk bayi.

Menurut Rosmah sikap serta kefahaman ibu yang semakin berkurangan terhadap faedah susu ibu menjadi faktor utama menyebabkan penyusuan ibu semakin berkurangan.

"Beberapa faktor lain yang menjadi punca semakin kurang ibu menyusukan bayi ialah pengaruh iklan susu formula yang dikatakan memiliki zat yang boleh memberi pertumbuhan sihat bagi bayi dan kanak-kanak.

"Sikap majikan yang tidak mengendahkan kepentingan pekerja wanita yang menyusukan bayi menyebabkan mereka mengambil keputusan memberhentikan penyusuan susu ibu," katanya.

Rosmah berkata, penyusuan ibu harus digalakkan bagi mewujudkan masyarakat yang sihat dan pintar.

"Kempen kesedaran penyusuan ibu harus disertai pelbagai pihak bagi mewujudkan kefahaman mengenai faedah penyusuan ibu," katanya.

(END)